



09 JUN, 2024

34 kenderaan tak kembali ke PBC disita

Metro Ahad, Malaysia



Page 1 of 2



ASPALILA (tengah) menunjukkan kenderaan yang disita pada sidang media Op Radu di Kompleks Penguatkuasaan dan Pematuhan Kiamsam, Jabatan Kastam Diraja (JKDM) Wilayah Persekutuan (WP) Labuan.

34 kenderaan tak kembali ke PBC disita

Labuan: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Labuan menyita sebanyak 34 kenderaan pelbagai jenama kerana tidak kembali ke pulau bebas cukai selepas tamat tempoh 90 hari.

Pengarah JKDM Labuan, Aspalila AG Tuah berkata, pihaknya melaksanakan beberapa siri operasi untuk memburu pemilik kenderaan yang melanggar syarat di bawah butiran 14, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017.

Katanya, pelaksanaan Op Radu itu menunjukkan hasil yang memberangsangkan dan sebanyak 34 kes direkodkan sepanjang operasi itu dilaksanakan.

“Sepanjang operasi berkenaan 34 kes dicatatkan dengan nilai rampasan RM3,085,030.78.

“Kenderaan yang disita itu membabitkan pemilik kenderaan yang melanggar syarat Butiran 14, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017,” katanya pada sidang media, semalam.

Katanya, berdasarkan



Sepanjang operasi berkenaan 34 kes dicatatkan dengan nilai rampasan RM3,085,030.78”

Aspalila AG Tuah

butiran 14 itu, kenderaan yang dibeli ke Pulau Bebas Cukai (PBC) Langkawi dan Labuan dibenarkan masuk ke kawasan Utama Kastam (KUK) tidak lebih 90 hari dalam setahun.

“Modus operandi yang dikesan iaitu kenderaan ini dibawa masuk ke KUK dengan menggunakan kemudahan di bawah butiran 14, bagaimanapun kenderaan itu tidak kembali ke PBC selepas tamat tempoh.

“Semua kenderaan pelbagai jenama disita bagi tujuan siasatan lanjut,” katanya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.



09 JUN, 2024

34 kenderaan tak kembali ke PBC disita

Metro Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Labuan: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Labuan menyita sebanyak 34 kenderaan pelbagai jenama kerana tidak kembali ke pulau bebas cukai selepas tamat tempoh 90 hari. Pengarah JKDM Labuan, Aspalila AG Tuah berkata, pihaknya melaksanakan beberapa siri operasi untuk memburu pemilik kenderaan yang melanggar syarat di bawah butiran 14, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2 017. Katanya, pelaksanaan Op Radu itu menunjukkan hasil yang memberangsangkan dan sebanyak 34 kes direkodkan sepanjang operasi itu dilaksanakan.